

KERTAS KERJA DALAM SEMINAR

ANJURAN BERSAMA

**YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA
(YADIM)**

DAN

**KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN
UTARA MALAYSIA (KUKUM)**

**Tajuk : Perpaduan Ummah Menurut Kacamata
Islam**

Oleh

Profesor Madya Dr. Leha @ Zaleha Muhamat

Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (KUKUM)

PADA

27-29 Februari 2004

TEMPAT

Eagle Bay Resort Pulau Langkawi , Kedah

Perpaduan Ummah Menurut Kacamata Islam

Pendahuluan

Seminar anjuran bersama YADIM dan KUKUM ini dikira sebagai peluang berharga bagi para peserta khususnya dan Umat Islam serta rakyat Malaysia keseluruhannya . Ini adalah kerana tajuk-tajuk yang diperuntukkan pengupasannya dalam seminar ini, semuanya menjurus ke arah perpaduan ummah dan pembentukan masyarakat harmoni dan penyayang . Kedua-dua usaha tersebut adalah dituntut dalam Islam (maksud ayat 103 dan 104 dalam surah Ali - Imran) .

Pada kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak penganjur atas kejayaan menganjurkan Seminar yang berfaedah ini . Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya atas peluang yang diberikan untuk kita sama-sama meneliti kupasan dan perbahasan tajuk-tajuk yang diketengahkan dalam seminar ini . Doa dan harapan semoga Allah memberkati seminar ini dengan kejayaan kita semua memerangi rasa dan keinginan untuk mengosongkan tempat duduk dalam seminar ini sebelum ianya tamat . Doa kita juga agar Allah memberkati kita semua dengan kekuatan semangat dan keupayaan dalam mengutip faedah untuk diri , agama , masyarakat bangsa dan negara .

Tujuan dan Objektif

Kertas kerja ini cuba mencari pendekatan yang boleh dirujuk dan difahami tentang tuntutan Islam supaya berusaha membentuk dan membangun ummah yang bersatu padu serta berikhtiar untuk menjadikan masyarakat dan negara sentiasa maju , sejahtera dan harmoni .

Keperluan Kepada Seminar Yang Menekankan Perpaduan Ummah

Fikiran atau andaian yang memandang perpaduan ummah sebagai perkara remeh atau sesuatu yang tidak perlu diberi perhatian adalah salah dan berlawanan dengan kehendak Islam . Dikatakan demikian kerana Islam mewajibkan ke atas setiap warga negara menyayangi negara tempat ia berteduh . Ungkapan "Rumahku Syurgaku" yang merupakan tafsiran maksud ayat-ayat Allah dan hadis Rasulullah s.a.w. sudah cukup untuk difahami bahawa Islam menuntut supaya setiap individu berusaha menjadikan keadaan kehidupan di negaranya sendiri selesa agar dengan itu ia dapat menyayangi negaranya dan lahir dalam dirinya rasa tidak rela melakukan atau menerima sebarang perkara yang menjejaskan perpaduan ummah dan negara . Tuntutan supaya berusaha memberi sokongan ke arah kesejahteraan dan kemakmuran negara diransangkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. melalui banyak hadis , termasuk "cintakan negara sebahagian daripada iman" . Para hukamak atau cendiakawan juga turut menyeru dan memberi kata-kata hikmah ke arah memohon sumbangan kaum wanita sebagai usaha membangun dan mengukuhkan kedudukan negara dalam semua bidang . Ungkapan berkenaan berbunyi : "wanita tiang negara , apabila baik wanita maka baiklah negara , sebaliknya jika rosak wanita (akhlaknya) maka rosaklah negara" . Dari segi logik , boleh dikatakan sesebuah bangunan yang kuat adalah disebabkan gabungan kekukuhan bahan binaan , kebijaksanaan jurutera yang membina bangunan itu dan berbagai-bagai lagi hal dan perkara yang menyumbang ke arah menjadikan bangunan itu kuat dan tahan lama.

Jika ditanya kepada penghuni sesebuah rumah ; Apakah anda suka rumah anda roboh ? Jawapannya sudah tentu terbunyi : Tidak . Pada hakikatnya tiada siapa boleh menafikan bahawa kekuatan bangunan adalah bergantung kepada faktor-faktor yang diperlukan untuk menjadikan sesebuah bangunan itu kuat dan kukuh . Kekurangan salah satu faktor atau sebab berkenaan akan memberi kesan kepada keadaan kekukuhan bangunan itu . Amat parah keadaan bangunan itu dari segi kekukuhannya , jika faktor yang kurang itu berupa perkara asas yang membuatkan rumah itu kemas dan kuat ; seperti bahan binaan dan kebijaksanaan jurutera dan sebagainya .

Sesebuah negara yang merupakan tempat berlindung bagi masyarakat-masyarakat yang ada di dalamnya , tidak akan menjadi kuat sekiranya negara berkenaan kehilangan salah satu faktor penting yang menyebabkan ia kuat dan maju . Dengan demikian Islam meletakkan tanggungjawab khusus yang berkaitan dengan penjagaan keselamatan dan kesejahteraan negara ke atas bahu dan kepala setiap orang ahli masyarakat dan warga negara berkenaan .

Allah berfirman di dalam Al-Quran (ayat 104 surah Ali-Imran) bermaksud :

“Dan berpegang (teguhlah) dengan tali Allah (ajaran dan panduan yang Allah jelaskan di dalam Al-Quran dan Al-Hadis) dan janganlah kamu berpecah belah” .

Semua umat Islam wajib meyakini bahawa Allah s.w.t. tidak menyuruh melakukan sesuatu melainkan perkara yang diperintah itu penting dan baik untk umat manusia . Malah ada sesetengah perkara yang Allah minta umat manusia lakukan bertujuan untuk menyelamatkan mereka dari kebinasaan dan kehancuran .

Maksud ayat di atas dengan jelas meminta umat manusia menjalani tanggungjawab menyatupadukan ummah dan dilarang dari berpecah belah . Dengan kata lain Islam melarang sebarang perkara atau tindakan yang menyebabkan bahaya , atau boleh menyebabkan bahaya atau berkemungkinan menyebabkan bahaya .

Menerusi maksud ayat 104 dalam surah Ali-Imran itu dapat difahami bahawa Islam mewajibkan umatnya bertindak pada dua perkara berikut demi untuk kebaikan negara :

1. Mengadakan usaha untuk mengukuhkan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dan negara .
2. Mengelakkan sebarang perkara atau tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan negara .

Kenapakah dikatakan dua perkara tersebut sebagai perkara yang menjadi penekanan dan difokus oleh maksud ayat itu ?

Jawapannya ialah :

Dua perintah yang bersifat berlawanan untuk menerangkan sesuatu maksud maka perkara yang dimaksudkan itu adalah yang dikehendaki . Contoh : Ahmad berkata kepada Ali : Ali ! engkau datang ke majlis itu pada malam ini ; jangan tak datang . Kata-kata Ahmad itu menunjukkan 2 perintah ; (1) perintah supaya datang ke majlis dan (2) perintah supaya jangan tidak datang ke majlis .

Sebenarnya , perkara yang ditekankan dalam kedua-dua perintah itu ialah : Ali dikehendaki datang ke majlis itu . Dan tuntutan supaya Ali datang ke majlis itu berada di taraf tertinggi dan tersangat kuat . Ini kerana perintah pertama disokong oleh perintah kedua pada perkara yang sama .

Demikian jugalah dua maksud perintah yang berlawanan dalam ayat yang dibincangkan di atas (bersatupadulah dan janganlah berpecah belah) . Perkara yang dikehendaki ialah keselamatan dan kesejahteraan negara . Maksud perintah Allah dalam ayat tersebut boleh diterjemahkan dalam bahasa pepatah Melayu berbunyi : "Bersatu teguh , bercerai roboh" .

Islam melihat sesuatu perkara dibina pada hakikat dan keadaannya yang sebenar . Islam juga minta manusia fikirkan apabila melihat sesuatu objek atau perkara dan kejadian untuk diambil pengajaran , pengalaman dan iktibar . Contohnya disebut dalam Al-Quran (ayat 17 dalam surah Al-Ghasyiah) (" أفلا ينظرون إلى إلا بل كيف خلقت ") . Tidakkah engkau lihat bagaimanakah binatang unta dijadikan ? Soalan itu tidak diminta jawapan Ya atau Tidak , tetapi disuruh ambil faedah dari kejadian unta pada sifat sabar dan taat kepada tuan . Dari segi teknologi , unta digunakan untuk tujuan pengangkutan . Maka dengan itu manusia boleh mencipta kenderaan pacuan empat roda dan lain-lain lagi yang boleh dipelajari melalui apa yang ada pada kejadian unta .

Dari sudut kekuatan perpaduan dapat dilihat pada seikat penyapu lidi . Satu bilah atau dua bilah penyapu lidi adalah mudah untuk dipatah-patahkan . Tetapi , beratus-ratus bilah penyapu lidi

yang dihimpun dalam satu ikatan , sudah tentu tidak mudah untuk dipatah-patahkan .

Sehubungan dengan perintah Allah supaya menjaga kekuatan negara melalui kesatuan ummah , Al-Quran membawa banyak ayat yang menceritakan bahawa terjatuhnya umat terdahulu malah bangsa dan kaum mereka terus hilang dari bumi Allah adalah disebabkan umat-umat berkenaan tidak bersatu dan berpecah belah .

Firman Allah dalam surah Sabak ayat 15 bermaksud : "Demi sesungguhnya adalah bagi penduduk negeri Sabak (negeri Yaman Tua) satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah yang terdapat di tempat tinggal mereka iaitu 2 kumpulan kebun (yang luas lagi subur) ; sebuah kebun terletak di sebelah kanan kariah/negeri mereka dan sebuah kebun lagi terletak di sebelah kiri , lalu dikatakan kepada mereka : Makanlah dari rezeki pemberian Tuhanmu dan bersyukurlah kepadaNya (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang amat pengampun" .

Kemudian ayat 16 menceritakan tentang kekufuran rakyat negeri Sabak terhadap nikmat Allah yang dikurniakan kepada mereka. Mereka tidak bersatu untuk menjaga kekayaan dan kemakmuran negara hingga menyebabkan segala kebun buah-buahan yang lazat rasanya itu menjadi terbiar (tidak dijaga dan dipelihara) akhirnya segala pohon buah-buahan tidak lagi mampu menghulur nikmat kepada mereka , sebaliknya bertukar menjadi pohon yang mengeluarkan buah pahit dan masam , dan seterusnya dalam ayat 16 itu juga Allah menceritakan bahawa Allah menentukan sesuatu menurut undang-undang atau peraturan alam yang Allah izinkan berlaku . Oleh kerana penduduk-penduduk negeri Sabak tidak bersatu untuk mempertahankan kedaulatan negara mereka melalui usaha untuk menambahkan lagi kemajuan pada segala apa yang ada (termasuk Ampangan Arim yang Allah izinkan kaum Sabak membinanya bagi membekalkan air ke kebun-kebun mereka) yang merupakan Syurga bagi mereka ketika itu . Keadaan kehidupan kaum Sabak yang tidak bersatu padu itu menyebabkan ampangan itu terpaksa patuh kepada undang-undang alam yang Allah tetapkan . Undang-undang alam berhubung dengan cerita rakyat Sabak dan Ampangan Arim itu boleh diterjemahkan dalam bentuk ayat sebagai :

kekuatan ekonomi Sabak membolehkan semua rakyat Sabak menikmati keamanan dan kemakmuran . Dan kekuatan ekonomi Sabak bergantung kuat kepada Ampangan Arim . Ekonomi Sabak tidak boleh bertahan kerana kehilangan faktor penting yang menyebabkan ia menjadi kuat . Faktor yang dimaksudkan itu ialah perpaduan rakyat atau ummah Sabak itu sendiri dalam memelihara dan mengekalkan kemakmuran dan keselamatan negeri Sabak .

Dari cerita yang Allah jelaskan dalam ayat tersebut dapat difahami bahawa , Allah mengizinkan sesuatu berlaku adalah ditentukan menurut undang-undang alam . Dari sudut kekuatan sesebuah negara , peraturan alam yang Allah tentukan dapat dikatakan bahawa ; setiap negara menjadi kuat dengan wujudnya perpaduan kaum/rakyat pada semangat sayang dan cintakan negara sendiri . Orang yang cintakan negara menurut Islam sanggup berkorban mengenyepikan sebarang kecenderungan dan kepentingan yang ada demi keselamatan dan kesejahteraan negara . Perkara tersebut dapat dilihat dalam banyak maksud ayat Al-Quran . Antaranya maksud ayat 15 dalam surah Sabak , Allah tutup ayat tersebut dengan menyebut : "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya (Allah) atas kurniaan negeri yang baik (aman makmur)" . Seolah-olah penamat ayat itu mengatakan : Allah telah mengurniakan keamanan dan kemakmuran negara kamu , jagalah dan pertahankan kesejahteraan dan kemakmuran negara kamu itu . Alat dan senjata canggih yang berkesan dan mampu menyelamatkan negara kamu , keamanan dan kemakmurannya ialah pemaufakatan dan perpaduan di kalangan kamu semua .

Pengertian Perpaduan Ummah Menurut Kacamata Islam

Dalam perbincangan maksud ayat di atas tidak terdapat tanda atau petunjuk yang boleh difahami bahawa wujud keharusan yang mengecualikan mana-mana rakyat/warga negara dari tanggungjawab menjaga keselamatan dan kemakmuran negara . Ini membawa maksud bahawa menjaga kesejahteraan dan kemakmuran negara adalah menjadi tanggungjawab semua rakyat bagi sesebuah negara itu . Perbezaan pendapat , pandangan atau fikiran tentang sesuatu perkara tidak boleh dijadikan sebab atau alasan yang membolehkan seseorang membelakangi tanggungjawab menjaga keselamatan dan kemakmuran negara .

Berdasarkan yang demikian , 'Ummah' yang dimaksudkan dalam konteks penjagaan keharmonian dan kemakmuran negara iaitu semua rakyat yang menjadi warga negara bagi sesebuah negara . Jadi , maksud 'perpaduan ummah' menurut Islam ialah : 'Permuafakatan rakyat pada usaha untuk sama-sama membangun dan mengekalkan keselamatan , kesejahteraan dan kemakmuran negara' .

Sehubungan dengan itu juga (kewajipan menjaga keselamatan dan kemakmuran negara) Allah memerintah dalam sepotong firmanNya (ayat 59 dalam surah An-Nisa) bermaksud :

"Taatlah Allah dan taatlah RasulNya dan pemerintah (yang memegang tampuk pemerintahan) negara kamu" .

"Taat" membawa erti patuh kepada undang-undang dan peraturan atau tidak melakukan sesuatu yang boleh mencabul atau menunjukkan tidak menghormati undang-undang ; sama ada undang-undang Allah (Syariah) yang dirujuk kepada Allah (Al-Quran) atau dirujuk kepada Rasulullah s.a.w. (Al-Hadis) atau undang-undang ciptaan manusia yang bertujuan untuk kebaikan manusia dan juga alam selain manusia . Semua insan yang berakal dan cukup umur baligh diwajibkan mematuhi undang-undang yang bertujuan untuk menjaga kebaikan ummah , dan juga undang-undang untuk menjaga kepentingan negara . Islam meletakkan perpaduan ummah sebagai alat terpenting dan berkesan yang perlu dipelihara dan diberi perhatian dalam menjaga dan mempertahankan keselamatan serta kemakmuran negara . Oleh yang demikian boleh dikatakan bahawa setiap perkara yang membawa kepada perpaduan ummah dan negara adalah wajib ditunaikan .

Perkaitan Perpaduan Ummah Dengan Keamanan Masyarakat Dan Negara

Menurut Islam , keamanan negara berkait rapat dengan perpaduan ummah . Perkara ini ditunjuk dalam cerita mengenai kehancuran negeri Sabak pada satu masa dahulu disebabkan rakyatnya tidak bersatu dalam menjaga kemakmuran negara . Hakikat membuktikan pada zaman yang serba moden dan canggih

ini juga bahawa negara memerlukan perpaduan ummah untuk kepentingan keamanan , keselamatan dan kemakmuran .

Dunia menyaksikan beberapa buah negara menghadapi kehancuran akibat ummahnya tidak bersatu padu ; termasuk negara-negara yang tampuk pemerintahannya dipegang oleh orang-orang Islam . Memang jelas maksud firman Allah (ayat 7 dalam surah Ibrahim) menyatakan : "Sekiranya kamu (umat manusia) bersyukur (yakni : memelihara segala nikmat yang dikurniakan) akan Allah tambah lagi rahmat dan nikmatnya (kurniaan dan pemberian tentang sesuatu) , sebaliknya sekiranya umat manusia tidak bersyukur atau mengukuri akan rahmat dan nikmat yang diberikan (yakni : tidak berusaha mengekalkan keselamatan , kesejahteraan , keharmonian dan kemakmuran negara yang Allah limpah kurniakan) maka sesungguhnya tidak mustahil berlaku akibat buruk disebabkan tindakan tidak bersatu untuk menjaga dan mengekalkan kesejahteraan negara" . Kenyataan tersebut memang terbukti , contohnya seperti yang berlaku kepada kaum Sabak dan umat-umat lain yang terdahulu dan juga umat pada masa kini .

Hukum Mewujudkan Usaha Untuk Keamanan Dan Kesejahteraan Negara

Islam memandang perkara menjaga dan memajukan sesebuah negara adalah penting dan wajib ke atas semua umat Islam khususnya dan amnya semua ummah bagi generasi semasa . Perkara ini dapat difahami melalui konsep kewajipan membayar zakat yang diwajibkan ke atas kaum muslimin . Firman Allah banyak sekali terdapat di dalam Al-Quran berupa perintah mengeluarkan zakat . Perintah tersebut didahulukan oleh perintah mendirikan solat : "Dirikanlah sembahyang dan keluarkan zakat" . Menurut kaedah tata bahasa Arab dua perkara yang dihubungkan dengan huruf ' و ' yang bermaksud 'dan' maka dua perkara berkenaan adalah mempunyai kesamaan pada aspek-aspek tertentu . Contoh : Aminah dan Ahmad pergi ke sekolah . 'Dan' dalam ayat tersebut menunjukkan perbuatan / tindakan Ahmad dan Aminah berlaku serupa dari segi 'pergi ke sekolah' . Demikian jugalah perkara solat dan zakat yang dihubungkan antara satu sama lain dengan huruf ' و ' atau ' dan' bererti : Islam menuntut supaya umatnya

menunaikan solat , begitu juga Islam menuntut umatnya supaya menunaikan zakat .

Dari sudut lain dilihat faedah dan fungsi zakat yang disebut dalam Al-Quran : untuk membersihkan dosa (mengelakkan ketamakan harta benda yang menyumbang kepada kecenderungan menindas atau menzalimi orang lain melalui penipuan dan sebagainya) . Zakat juga menurut Al-Quran berfungsi untuk menyucikan akhlak buruk seperti sombong dan besar diri atas keupayaan memiliki harta . Pemilik harta yang bakhil , sombong dan berperasaan besar diri adalah tidak disukai ramai . Keadaan tersebut boleh menjejaskan keharmonian masyarakat .

Melihat betapa Islam mahukan umatnya mengeluarkan zakat untuk tujuan kemasyarakatan dan perpaduan (kerana aktiviti penunaian zakat dapat menyatu padu dan mengeratkan hubungan antara orang-orang berharta dan mereka yang tidak berharta) , maka amat wajar dikatakan malah wajib diyakini bahawa perpaduan ummah boleh membantu membangun masyarakat penyayang dan dapat menstabilkan kesejahteraan dan kemakmuran negara . Maka dengan itu juga Islam memandang kewujudan faktor yang boleh atau berkemungkinan boleh menjejaskan proses menjadikan ramai umat manusia mampu menyumbang harta , fikiran , dan lain-lain ke arah menjadikan negara berdaulat dan dihormati adalah bercanggah dengan tuntutan dan kehendak Islam . Dikatakan demikian kerana Islam menuntut supaya umat Islam menjadi orang berharta supaya dapat mengeluarkan zakat . Ini juga bermakna Islam melarang sebarang perkara atau tindakan yang menjejaskan atau memperlambatkan pertumbuhan ekonomi negara . Kestabilan ekonomi rakyat dan negara boleh berlaku sekiranya rakyat dan negara berada dalam keadaan aman dan sejahtera . Oleh yang demikian Islam menggalakkan malah mewajibkan supaya umat manusia mengelak perkara-perkara yang tidak membantu usaha ke arah menjadikan negara aman , makmur dan harmoni .

Siapakah Yang Lebih Bertanggungjawab Dalam Usaha Pembangunan Negara Dan Bagaimanakah Caranya ?

Persoalan ini amat penting diketahui oleh semua lapisan masyarakat , kerana ia merupakan motor penggerak minda dan

usaha ikhlas ke arah menunaikan tanggungjawab terhadap kepentingan agama , bangsa , masyarakat dan negara . Menerusi perbincangan di atas yang mengaitkan solat dan zakat , menampakkan bahawa Islam menuntut penunaian ibadat dalam dua bentuk iaitu penyembahan dan perhambaan diri kepada Allah melalui perlakuan solat sebagai pengakuan bahawa diri pelaku solat itu bersedia mematuhi segala perintah dan kehendak Allah yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Hadis . Perintah menunaikan fardhu zakat membawa mesej bahawa Islam mahukan umat manusia menjadikan aktiviti kemanusiaan dan kemasyarakatan sebagai agenda terpenting dan terfokus .

Bercakap mengenai pembangunan diri , masyarakat dan negara melalui solat (maksud ayat 45 dalam surah Al-Ankabut : "solat mencegah pelakunya dari perkara-perkara tidak baik yang merugikan semua pihak") ; maka boleh dikatakan tanggungjawab itu adalah sama bentuk dan sifatnya dikenakan ke atas semua umat Islam . Mereka wajib menunaikan solat dalam waktunya dan bilangan rakaatnya sama , kiblatnya sama dan sebagainya .Pengisian solat juga dituntut sama saja ke atas setiap individu muslim . Bermaksud : orang yang bersolat harus menyedari bahawa Islam melarang dari melakukan perkara-perkara yang merbahaya kepada dirinya , keluarganya , masyarakatnya , agamanya dan negaranya . Ini dikatakan menjalani kewajipan membangun negara melalui konsep penghayatan ibadat solat .

Bagaimanakah pula dikira menjalani konsep pembangunan negara melalui penunaian ibadat zakat , berdasarkan tuntutan kedua-dua ibadat itu mempunyai power dan kekuatan yang sama (Al-Quran menyebut : dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat) .

'Zakat' menurut Islam tidak dikenakan melainkan ke atas orang yang berharta dan hartanya cukup nisab (jumlah tertentu melebihi keperluan sendiri) . Bererti setiap individu yang cukup syarat (kemampuan dan layak) tidak dikecualikan dari menunaikan tanggungjawab sosial untuk kepentingan masyarakat dan negara . Ini adalah perintah Allah yang Islam bawa kepada umat manusia . Tanggungjawab ini dilihat dari aspek kewajipan menunaikannya adalah dikenakan kepada semua mereka yang layak . Tetapi dilihat dari segi berat ringan atau banyak sedikit , atau dilihat dari segi

bentuk dan sifat , adalah didapati berbeza berdasar kepada kemampuan dan kelayakan seseorang . Perkara ini dicernakan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis yang bermaksud :

“Setiap orang daripada kamu adalah dikira sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab terhadap rakyatnya” . Hadis tersebut membawa pengertian bahawa setiap individu yang berakal dan cukup umur baligh mempunyai tanggungjawab yang wajib ditunaikan terhadap usaha membangun diri , keluarga , masyarakat dan negara ; menurut cara dan kemampuan masing-masing . Maksud hadis yang sama juga disebut : “maka imam atau pemerintah mempunyai tanggungjawab membangun masyarakat dan negara dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan yang rakyat dan negara perlukan , suami atau isteri , masing-masing berkewajipan dalam menyaham usaha ke arah pembangunan masyarakat dan negara melalui keupayaan membina keluarga bahagia , kerana keluarga bahagia menjadikan masyarakat dan negara sejahtera . Dalam hadis itu juga dinyatakan tanggungjawab pekerja terhadap pembangunan masyarakat dan negara iaitu melalui penunaian kerja dengan ikhlas , patuh kepada majikan , sayang kepada institusi tempat kerja dan sentiasa membina kecenderungan dan keseronokan bekerja . Disamping tugas-tugas khusus yang menjadi tanggungjawab masing-masing menurut kemampuan dan keupayaan ; Islam juga mewajibkan setiap individu menjalani tanggungjawab menjaga dan memelihara perpaduan ummah , masyarakat dan negara .

Untuk menjaga perpaduan ummah Islam melarang dari membiarkan perselisihan pendapat , pandangan atau sebagainya (tentang sesuatu isu atau perkara) hingga menyebabkan berlaku negara menjadi tidak kuat dan lemah . Dilarang demikian kerana perkara tersebut membuka ruang dan peluang bagi orang lain untuk mencampuri urusan pentadbiran negara dan mengharuskan rakyat sendiri terjadi seperti dikatakan “ayam di kepok mati kelaparan , itik di air mati kehausan” . Sebab itulah Al-Quran mengingatkan (surah Al-Anfal ayat 46) : “Janganlah kamu bermunazaah atau berselisih faham atau pendapat mengenai sesuatu isu / perkara (hingga menyebabkan kamu tidak mampu mengekalkan perpaduan) kerana yang demikian menyebabkan kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan” .

Menurut kaedah tata Bahasa Arab huruf ' ي ' yang membawa maksud ' jangan ' memberi kesan dari segi hukum , yakni : perkara yang datang selepas huruf tersebut dilarang atau ditegah dari melakukannya . Contoh : jangan makan . Bererti : orang yang dihadapkan perintah tersebut dilarang dari mengambil makanan berkenaan . Bagi perkara yang disebut dalam ayat itu membawa makna ; Islam melarang sebarang perbuatan atau tindakan yang boleh menjejaskan perpaduan ummah , masyarakat dan negara . Disebut dengan jelas perkara yang dilarang iaitu : tindakan berbantah-bantahan pada perkara yang membangkitkan perselisihan pendapat . Bererti : Islam mengharuskan berlaku banyak pendapat tentang sesuatu untuk menghasilkan kebaikan . Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya : "Perselisihan atau perbezaan pendapat dalam menghasilkan sesuatu kebaikan merupakan rahmat" . Ini samalah dengan keadaan terdapat banyak jalan untuk sampai ke sesuatu destinasi . Dalam hadis lain Rasulullah menyebut , maksudnya : "Pendapat ramai lebih baik dari pendapat berseorangan" . Namun setiap perkara harus dirujuk kepada fakta . Al-Quran menyebut (surah An-Nisa ayat 59) maksudnya : "Maka jika sekiranya kamu berselisih faham / pendapat pada sesuatu perkara , dan keadaan perselisihan itu membuatkan kamu sukar untuk mencari keputusan , kamu dikehendaki merujuk kepada Allah (Al-Quran) dan RasulNya (Al-Hadis)" .

Al-Quran melarang dari berpecah belah , sebaliknya dituntut supaya semua ahli masyarakat bersatu padu dan berusaha ke arah menjadikan negara kuat ; dengan itu kesejahteraan dan kemakmuran negara dapat dipertingkatkan .

Baginda Rasulullah s.a.w. menunjuk jalan dan cara menunaikan kewajipan terhadap agama , masyarakat dan negara iaitu dengan mengukuhkan perpaduan warga negara Madinah yang terdiri daripada pelbagai kaum , bangsa , agama dan keturunan .

Dalam Piagam Madinah (Perlembagaan Madinah iaitu peraturan dan undang-undang yang digubal oleh baginda Rasulullah s.a.w. sendiri) terdapat fasal atau akta yang mewajibkan ke atas semua penduduk Madinah menyayangi dan menghormati bumi Madinah . Antara akta dalam Piagam itu juga ada yang menyebut : sesiapa sahaja yang berkecenderungan atau melakukan perkara-

perkara yang menjejaskan perpaduan di kalangan warga Madinah , maka orang atau pihak berkenaan dikira sebagai pencabul kesejahteraan Madinah .

Dalam konteks menjalani tanggungjawab terhadap agama , masyarakat dan negara , Islam melarang dari mencampur adukkan soal-soal lain dengan masalah perpaduan . Dengan kata lain , Islam melarang umat manusia dari menjadikan sebarang isu kehidupan , dosa , pahala , syurga , neraka dan sebagainya sebagai perkara untuk menghasilkan sesuatu kepentingan , sekiranya tindakan berkenaan menjejaskan perpaduan ummah . Larangan tersebut ditujukan kepada semua ahli sesebuah masyarakat kerana keselamatan dan kemakmuran negara menjadi tanggungjawab mereka menjaga dan memeliharanya .

Kesimpulan

Perpaduan ummah menurut kaca mata Islam membawa maksud : Islam mewajibkan umat manusia yang menjadi warga sesebuah negara dan menjalani kehidupan dalam negara berkenaan , supaya bersedia diri menjadi orang yang sayang kepada negaranya . Perbuatan dan tindakan menyayangi negara hendaklah diterjemahkan dalam bentuk pembinaan kemampuan diri keluarga dan orang lain (menurut keupayaan) untuk bersatu arah dan fikiran ke arah menjadikan negara sendiri maju , makmur dan semua rakyat hidup dalam keadaan bermuafakat pada perkara-perkara kebaikan .